



**PEMAKLUMAN URUSAN TANAH DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU
SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI SELURUH
NEGERI SEMBILAN**

Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Sembilan supaya urusan kaunter perkhidmatan diteruskan demi kepentingan rakyat. Dimaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan yang terletak di Unit Hasil, Tingkat Bawah, Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu akan **dibuka 100%** kepada orang awam.

UNIT HASIL

BIL.	URUSAN	TEMPAT
1.	Semua urusan dibuka sepenuhnya	Kaunter Hasil di Unit Hasil, Tingkat Bawah

UNIT PENDAFTARAN

BIL.	URUSAN	TEMPAT
1.	Perserahan Urusniaga (Pindahmilik, Gadaian, dll.) Perserahan Bukan Urusniaga (kaveat, perintah mahkamah, dll.)	Kaunter Pendaftaran di Unit Hasil, Tingkat Bawah
2.	Kutipan Perserahan [Urusniaga / Bukan Urusniaga dan Dokumen Hakmilik (Borang 5F)]	Kaunter Pendaftaran di Unit Hasil, Tingkat Bawah
3.	Pertanyaan	Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian seperti berikut: <u>06-6136311</u> <i>(pertanyaan adalah mengenai permohonan atau perkara lain berkaitan pendaftaran. Tiada urusan pertanyaan secara bersemuka sepanjang tempoh PKP)</i>

UNIT PEMBANGUNAN DAN PELUPUSAN TANAH

BIL.	URUSAN	TATACARA
1.	Borang-Borang Permohonan	Boleh diambil di Unit Pembangunan dan Pelupusan Tanah.
2.	<p>Pengambilan dokumen yang telah diluluskan (Doket, Permit, Lesen dan Borang 4E)</p> <p>Dokumen kelulusan selain dari itu akan dihantar melalui pos sahaja.</p>	<p>Pemohon perlulah mendapatkan temujanji terlebih dahulu di talian 06-6136311</p> <p>Pengambilan doket, permit, lesen dan Borang 4E (pajakan tanah rizab) hanya dibenarkan kepada pemohon di bawah 'Essential Service' sahaja.</p>
3.	Pertanyaan	Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian seperti berikut: 06-6136311
4.	Konsultasi	<p>Konsultasi hanya akan dibuat melalui temujanji. Sila hubungi talian seperti berikut untuk mendapatkan tarikh temujanji:</p> <p>06-6136311</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Temujanji akan ditetapkan berdasarkan kepada keperluan, jika ianya boleh diselesaikan melalui panggilan atas talian, maka tiada temujanji akan dijadualkan; 2. Temujanji hanyalah kepada orang awam / perunding / juruukur / syarikat / perbadanan yang berada di dalam radius 10 kilometer dari Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu sahaja sepertimana arahan di bawah PKP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), melainkan mempunyai surat kebenaran dari PDRM dan surat kebenaran tersebut perlulah terlebih dahulu dikemukakan melalui emel; dan 3. Bagi syarikat / perbadanan, temujanji hanya dibenarkan kepada pemohon yang disenaraikan di dalam 'Essential Service' sahaja.

LAIN-LAIN URUSAN

BIL.	URUSAN	TEMPAT
1.	Penyaksian Pindahmilik (Borang 14A)	Bagi hakmilik Rizab Melayu sahaja dan Pemohon perlulah mendapatkan temujanji terlebih dahulu di talian 06-6136311 Penyaksian selain itu perlu dibuat di Firma Guaman .
2.	Penyaksian Akuan Sumpah	Tiada Penyaksian Akuan Sumpah di Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu Sepanjang PKP. Pemohon boleh mendapatkan penyaksian oleh Pesuruhjaya Sumpah . Walau bagaimanapun, pergerakan hendaklah tertakluk kepada SOP PKP.

URUSAN SIASATAN YANG TELAH DIJADUALKAN (GERAN / HAKMILIK HILANG ATAU ROSAK, HAK LALU LALANG, PENGAMBILAN TANAH DAN LAIN-LAIN)

Semua siasatan yang telah dijadualkan dalam tempoh PKP **DITANGGUHKAN** dan akan dijadualkan semula setelah tamat tempoh PKP.

Bagi urusan-urusan yang melibatkan kelulusan dan pertimbangan pegawai bolehlah dilaksanakan selepas tamat tempoh PKP.

URUSAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL

Semua perbicaraan urusan Pembahagian Harta Pusaka Kecil **DITANGGUHKAN**.

Borang permohonan dan dokumen sokongan boleh dihantar ke **Unit Pembahagian Pusaka (UPP)** melalui Poslaju atau perkhidmatan Kurier. Sebarang pertanyaan, Tuan/Puan bolehlah berhubung melalui talian dan emel seperti berikut:

Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Seremban : pusakasrmbn@jkptg.gov.my

Pusat Pertanyaan Pusaka : 03-88712999 /
pertanyaan@jkptg.gov.my

Tuan/Puan adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi SOP PKP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jika tiada urusan yang mustahak, Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk kekal berada di rumah. Bersama-samalah kita membantu Kerajaan bagi memastikan penularan Covid-19 dapat dikekang dan jumlah kes menurun sehingga Jelebu kembali menjadi Kawasan Zon Hijau, bebas dari wabak tersebut.

Capaian / 'Link' bagi SOP PKP yang telah dikeluarkan oleh MKN adalah seperti di bawah:

<https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-PKP-SELURUH-MALAYSIA-kemaskini-21-Januari-2021-1.pdf>

Pemakluman ini hendaklah dibaca bersekali dengan SOP PKP seperti capaian di atas dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU**

22 JANUARI 2021